



27 OCT, 2024

## Cubaan seludup arak RM2.8 juta gagal

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

## Cubaan seludup arak RM2.8 juta gagal

**Ipoh:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perak berjaya mematahkan cubaan menyeludup minuman keras pelbagai jenama ke negara ini, dengan nilai keseluruhan sebanyak RM2.8 juta di tiga lokasi berasingan, bulan ini.

Pengarahnya, Datuk Abdul Ghafar Mohamad berkata, Cawangan Penguatkuasaan JKDM Stesen Pengkalan Hulu melakukan serbuan di sebuah premis di Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur, sekitar jam 4.30 petang pada 14 Oktober lalu.

“Hasil pemeriksaan berjaya menemukan 6,100 liter minuman keras pel-

bagai jenama dianggarkan bernilai termasuk cukai RM557,346 dan menahan seorang lelaki tempatan berusia 58 tahun bagi membantu siasatan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, dua lagi serbuan dilakukan secara berasingan di dua premis di Ipoh pada 18 Oktober yang berjaya menemukan sebanyak 26,756 liter minuman keras pelbagai jenama. Nilai keseluruhan bagi penemuan ini dianggarkan RM2.25 juta termasuk cukai.

Dua lelaki berusia 43 dan 64 tahun ditahan bagi membantu siasatan menerusi dua serbuan berasingan.



27 OCT, 2024

## Cubaan seludup arak RM2.8 juta gagal

Metro Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Ipoh: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perak berjaya mematahkan cubaan menyeludup minuman keras pelbagai jenama ke negara ini, dengan nilai keseluruhan sebanyak RM2.8 juta di tiga lokasi berasingan, bulan ini. Pengarahnya, Datuk Abdul Ghafar Mohamad berkata, Cawangan Penguatkuasaan JKDM Stesen Pengkalan Hulu melakukan serbuan di sebuah premis di Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur, sekitar jam 4.30 petang pada 14 Oktober lalu.